

GARIS PANDUAN

PROGRAM SARINGAN PRIHATIN (PSP) PERKESO

2020



14 Mei 2020

1. LATAR BELAKANG

Program Saringan Prihatin (PSP) PERKESO merupakan program saringan bagi wabak COVID-19 yang dijalankan kepada pekerja termasuk pekerja asing bagi syarikat yang dibenarkan beroperasi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Program ini dijalankan bertujuan bagi membantu kerajaan dalam mengawal penularan wabak COVID-19 dalam industri yang telah mula beroperasi.

PSP PERKESO akan memberi tumpuan dan keutamaan kepada saringan COVID-19 yang melibatkan pekerja-pekerja asing di dalam sektor pembinaan dan kawalan keselamatan yang beroperasi di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terlebih dahulu selaras dengan arahan terkini dari kerajaan. Ini juga selari dengan panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menjalankan saringan secara bersasar kepada golongan yang berisiko.

Saringan yang dijalankan di bawah program ini diberikan secara PERCUMA kepada semua pencarum PERKESO yang tergolong dalam kumpulan sasar dan kos saringan akan dibiayai oleh PERKESO.

2. KAEDAH SARINGAN

Saringan akan dijalankan melalui penyedia-penyedia perkhidmatan yang telah dilantik oleh PERKESO dan mematuhi garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pekerja boleh menyemak senarai penyedia perkhidmatan melalui Portal PSP PERKESO di pautan <https://psp.perkeso.gov.my/psp-service-provider.html>. Hanya pekerja yang mendaftar sebagai pencarum PERKESO layak untuk menjalani saringan ini.

Pekerja dihendaki membuat **janji temu terlebih dahulu** bagi memelihara penjarakan sosial dan mengelakkan kesesakan semasa ujian saringan diadakan.

Saringan akan disasarkan kepada pekerja syarikat yang mempunyai risiko tinggi. Saringan akan dijalankan melalui pengambilan sampel daripada hidung dan mulut oleh penyedia-penyedia perkhidmatan yang dilantik.

Selain ujian saringan, sejarah perubatan pekerja turut akan diambil termasuk sejarah perjalanan ke luar negara, pendedahan pekerja kepada kes positif COVID-19, menghadiri perhimpunan atau terdedah kepada orang yang menghadiri perhimpunan.

3. ALIRAN KERJA BAGI PELAKSANAAN PROGRAM PSP PERKESO

Aliran kerja bagi pelaksanaan Program PSP PERKESO secara umum adalah seperti berikut:

- 3.1 Majikan perlu menghubungi penyedia-penyedia perkhidmatan untuk menjalankan PSP PERKESO di lokasi yang ditetapkan bersama, sama ada di premis penyedia perkhidmatan atau di tempat kerja. Walau bagaimanapun ini adalah tertakluk kepada kemampuan atau keupayaan penyedia-penyedia perkhidmatan untuk menjalankan saringan tersebut.
- 3.2 Majikan perlu menetapkan **janji temu terlebih dahulu** sebelum ujian saringan dilakukan.
- 3.3 Majikan perlu menyediakan butiran pekerja yang akan menjalani ujian saringan dengan melengkapkan **Lampiran 1 PSP PERKESO** seperti mana format yang dilampirkan. Lampiran tersebut hendaklah dikemukakan kepada penyedia perkhidmatan **24 jam sebelum** tarikh ujian saringan dilakukan.
- 3.4 Pekerja perlu membawa dokumen pengenalan diri (kad pengenalan atau passport) untuk disemak oleh penyedia perkhidmatan.

4. KEPUTUSAN SARINGAN

- 4.1 Pekerja boleh memperolehi keputusan saringan secara langsung melalui penyedia-penyedia perkhidmatan dalam jangkaan 48 jam selepas saringan dilakukan. Walau bagaimanapun, pekerja boleh memaklumkan sebarang keputusan saringan secara sendiri kepada majikan masing-masing.

- 4.2 Sekiranya keputusan adalah positif, penyedia perkhidmatan akan membuat notifikasi kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengikut garis panduan yang ditetapkan.